

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN R. SIVARASA [SUBANG]

TARIKH : 10 MAC 2016 (Khamis)

SOALAN : 57

Tuan R. Sivarasa [Subang] meminta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan hasil kutipan daripada pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) sejak permulaannya pada 1 April 2015 dan sama ada Kerajaan setuju GST boleh dikecualikan bagi top-up telefon bimbit serta penggunaannya:

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan tidak bercadang untuk memberi pelepasan GST ke atas perkhidmatan telekomunikasi prabayar. Walau bagaimanapun, dalam ucapan Bajet 2016 YAB Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa bagi tempoh 1 Januari 2016 hingga 31 Disember 2016, pengguna warganegara Malaysia akan mendapat kembali rebat bersamaan dengan amaun GST yang dibayar. Rebate tersebut akan dikreditkan terus ke dalam akaun perkhidmatan prabayar mereka.

SOALAN NO: 57

Susulan daripada itu, beberapa perbincangan di antara pihak Suruhanjaya (SKMM), Kementerian Kewangan (MOF), Jabatan Kastam Di Raja Malaysia (JKDM), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan syarikat telekomunikasi telah diadakan untuk memastikan mekanisme pemulangan rebat tersebut berjalan lancar.

Hasilnya, mulai 1 Januari 2016, pengguna warganegara Malaysia mula mendapat pulangan tersebut tanpa sebarang masalah timbul di pihak pengguna. Kempen selama sebulan yang dilancarkan oleh MCMC bermula 15 Januari 2016 juga menunjukkan perkembangan yang amat positif di kalangan pengguna.

Bagi tempoh 1 April 2015 hingga 31 Disember 2015, hasil bersih kutipan GST iaitu setelah mengambil kira tuntutan kredit ke atas GST diperingkat input perniagaan adalah sebanyak RM27.012 bilion.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Kutipan hasil GST dari sektor telekomunikasi berdasarkan dua kategori perkhidmatan adalah seperti berikut:

Bil.	Kod MSIC	Perihal	1/4/2015 – 31/12/2015 (RM)
1	61101	<i>wired telecommunications services</i>	261,832,674
2	61201	<i>wireless telecommunications services</i>	525,343,883
	Jumlah		787,267,557

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

Disediakan oleh:

(EN. ROSMAHYUDDIN BAHARUDDIN)

Setiausaha Bahagian Kawalan dan Pematuhan

Tarikh :

Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) : **Disemak / Tidak Disemak**

(DATO' MOHID MOHAMED)

Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar)

Tarikh :

Ketua Setiausaha: **Dipersetujui / Tidak Dipersetujui**

(DATO` SRI DR. SHARIFAH ZARAH SYED AHMAD)

Ketua Setiausaha

Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia

Tarikh :

Keputusan Y.B. Menteri: **Diluluskan / Tidak Diluluskan**

Ulasan (jika ada):

.....
.....

(DATUK SERI DR. SALLEH SAID KERUAK)

Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia

Tarikh :